

**Untuk Siaran Segera**  
**8 April 2021**

**PNB Catat Prestasi Kewangan Berdaya Tahan Di Sebalik Cabaran 2020**  
*Hasil Signifikan daripada Strategi Transformatif Yang Dilaksanakan*

- Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan laporan tahunannya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (TK2020) yang mencerminkan prestasi kewangan berdaya tahan dalam menghadapi situasi yang sangat mencabar dan tidak pernah terjadi sebelum ini. PNB juga berkongsi perkembangan terkini Pelan Strategik 2020-2022, yang juga dikenali sebagai **Focus 4**, serta tinjauan operasi bagi tahun hadapan.
- Strategi yang dilaksanakan di bawah **Focus 4** telah membolehkan PNB mengukuhkan kedudukan kewangannya dan terus memberikan pulangan yang kompetitif pada TK2020. Aset Di Bawah Pengurusan PNB (AUM) meningkat 3.4% kepada RM322.6 bilion dan jumlah Unit dalam Edaran (UIC) meningkat kepada 264.0 bilion unit, dengan lebih daripada 200,000 pendaftaran akaun baru dicatatkan sepanjang tahun ini.
- Dengan komitmen yang berterusan dalam melaksanakan mandatnya, PNB telah membayar sejumlah RM11.1 bilion dalam bentuk pengagihan pendapatan dan bonus kepada pemegang unitnya sepanjang tahun ini walaupun dalam ketidakpastian ekonomi dan pasaran yang terkesan oleh wabak COVID-19. Secara keseluruhannya, PNB telah mengagihkan jumlah agihan pendapatan terkumpul sebanyak RM211.3 bilion kepada 14.5 juta pemegang unitnya sejak awal penubuhan.
- PNB menunjukkan pencapaian memberangsangkan hasil daripada inisiatif kepelbagaian yang dilaksanakan untuk membangun portfolio pelaburan yang lebih mampu menangani ketidakpastian dan ketidakstabilan pasaran. Pelaburan antarabangsa membentuk 12.0% daripada portfolio pada akhir tahun 2020, berbanding dengan 8.5% pada tahun 2019. Hasil yang signifikan daripada kepelbagaian aset ini dapat dilihat menerusi sumbangan 25.5% segmen ini kepada keseluruhan pendapatan.
- TK2020 juga menyaksikan PNB menjadi lebih dinamik dan tangkas, dengan pelaksanaan inisiatif transformasi organisasi yang terus memperkukuh kemampuan PNB untuk beroperasi secara efisien dalam keadaan luar biasa. Penggunaan teknologi dan digitalisasi yang lebih tinggi telah melengkapkan PNB untuk sentiasa berada dalam keadaan siap sedia dan memiliki kemampuan untuk menghadapi ketidakpastian pasaran dengan portfolio pelaburan yang berdaya tahan. Ini turut dibantu oleh keupayaan yang diperluas dari segi teknologi digital dan modal insan.

**Kuala Lumpur, 8 April 2021** – Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan laporan tahunannya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (TK2020) yang mencerminkan prestasi kewangan berdaya tahan di sebalik cabaran yang tidak pernah terjadi sebelum ini. PNB juga berkongsi perkembangan terkini Pelan Strategik 2020-2022, yang juga dikenali sebagai **Focus 4**, serta tinjauan operasi bagi tahun ini.

## **PENILAIAN PRESTASI TK2020**

Cabaran tahun 2020 dalam menangani pelbagai aspek krisis global yang merangkumi kesihatan, ekonomi dan pasaran yang tidak pernah dialami sebelum ini, telah menuntut syarikat-syarikat di seluruh dunia untuk mengkaji semula proses operasi bagi tujuan kelestarian perniagaan mereka. Setelah mendepani beberapa krisis ekonomi sebelum ini, PNB telah serta-merta mengaktifkan Pelan Kesenambungan Perniagaan (*Business Continuity Plan*) sebaik sahaja Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan pada bulan Mac 2020 bagi mengekang penyebaran COVID-19. PNB turut melancarkan kerangka Aturan Kerja Anjal (FWA) untuk memudahkan tenaga kerjanya untuk mengekalkan produktiviti dalam keadaan luar norma dengan memanfaatkan teknologi digital dan platform kolaborasi maya.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz berkata semasa taklimat media secara maya, “Tahun 2020 adalah merupakan tahun yang paling mencabar dalam sejarah, namun PNB telah memperoleh hasil yang signifikan daripada strategi transformasi yang dilaksanakan sejak tahun 2018. PNB telah berjaya menghadapi satu lagi iklim pelaburan yang sangat mencabar dan dapat menghasilkan tiga pencapaian yang memberangsangkan pada tahun 2020. Kami mengekalkan prestasi kewangan yang berdaya tahan, mencapai kemajuan ketara dalam usaha kepelbagaian portfolio dan meningkatkan lagi pengalaman pengguna kepada pemegang unit, terutamanya menerusi platform digital. Hasilnya, PNB telah berjaya meningkatkan Aset Di Bawah Pengurusan kepada RM322.6 bilion dan terus memberikan pulangan kompetitif berjumlah RM11.1 bilion sepanjang tahun ini.”

“PNB terus mengorak langkah untuk menjadi institusi pelaburan distinktif bertaraf dunia. Selain strategi baharu untuk mempelbagaikan pelaburan kelas aset yang lebih luas di pasaran domestik, kemasukan kami di pasaran antarabangsa juga meningkat secara progresif. Kini, kami juga mengintegrasikan agenda kelestarian ke dalam pelaburan kami,” tambah beliau.

Menerusi perubahan transformatif ini, PNB telah berjaya meraih tiga hasil utama pada TK2020 seperti berikut:

### ***Prestasi Kewangan Berdaya Tahan Dalam Keadaan Lanskap yang Mencabar***

Dalam keadaan yang tiada tandingannya, PNB telah berjaya meningkatkan **Aset Di Bawah Pengurusan (AUM)** sebanyak 3.4% daripada RM312.0 bilion pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 (TK2019) kepada **RM322.6 bilion** pada TK2020. **Unit Dalam Edaran (UIC)** untuk semua 15 dana juga meningkat sebanyak 4.0% untuk mencapai **264.0 bilion unit**, setelah menerima lebih daripada 200,000 pemegang akaun baru sepanjang tahun ini, menjadikan jumlah keseluruhan akaun sebanyak 14.5 juta.

PNB juga terus memberikan pulangan yang kompetitif menerusi **pengagihan pendapatan dan bonus** berjumlah **RM11.1 bilion** kepada pemegang unitnya **pada TK2020**. Jumlah ini menjadikan **pengagihan pendapatan terkumpul PNB sejak awal penubuhan sebanyak RM211.3 bilion**, yang mencerminkan kenaikan 5.5% daripada RM200.2 bilion pada tahun sebelumnya.

**Dana harga tetap (FP)** PNB, **Amanah Saham Bumiputera (ASB)** dan **ASB 2** untuk pemegang akaun Bumiputera, dan **Amanah Saham Malaysia (ASM)**, yang terbuka kepada semua rakyat Malaysia, terus mengatasi penanda aras masing-masing iaitu kadar Deposit Tetap 12-bulan Maybank. Malah, **ASB dan ASM telah** memberikan pulangan positif secara konsisten walaupun FBM KLCI merekodkan prestasi negatif sepanjang lima daripada tujuh tahun yang lalu. **Dana harga berubah (VP)** PNB juga turut mengekalkan kemampuannya dalam memberikan pulangan yang kompetitif seperti yang dibuktikan menerusi pengumuman jumlah pulangan sebanyak dua digit baru-baru ini untuk tiga dana harga berubahnya iaitu **ASN Equity 3 (18.7%)**, **ASN Imbang 2 (17.0%)** dan **ASN Sara 1 (10.8%)** untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2021.

#### ***Meneruskan Strategi Kepelbagaian di bawah Focus 4***

Usaha kepelbagaian PNB sejak 2018 telah dipertingkatkan lagi di bawah **Focus 4**. Pada TK2020, **jumlah aset antarabangsa** meningkat sebanyak 3.5% untuk merangkumi **12.0%** daripada keseluruhan portfolio **yang menghasilkan sumbangan yang jauh lebih besar iaitu 25.5% kepada pendapatan kasar**, berbanding 11.6% pada TK2019. Daripada 12.0% aset antarabangsa, 8.7% terdiri daripada pelaburan ekuiti awam yang meningkat daripada 5.9% pada tahun sebelumnya. Dari segi komposisi pendapatan kumpulan, **sumbangan ekuiti global meningkat 18 kali ganda** daripada RM0.2 bilion pada tahun 2017 kepada RM3.7 bilion pada TK 2020.

#### ***Peningkatan Berterusan Pengalaman Pengguna dan Nilai Pemegang Unit***

Tahun 2020 menandakan **ulang tahun ke-30 dana utama PNB iaitu ASB**, yang mana merupakan dana unit amanah terbesar di Malaysia dengan pelaburan dalam pelbagai aset kewangan dan syarikat-syarikat utama negara. Sejak dilancarkan pada Januari 1990, dana harga tetap ini juga telah memberikan pulangan dividen dan bonus berjumlah RM159.6 bilion kepada pemegang unitnya.

Tahun 2020 juga menyaksikan PNB mempelbagaikan rangkaian produknya dengan pelancaran **ASN Imbang 3 Global pada September 2020, dana unit amanah pertama yang menumpukan kepada pelaburan global**. Dana ke-15 ini mendapat sambutan yang positif, dengan pelaburan lebih daripada RM850 juta pada 31 Mac tahun ini. Produk inovatif lain yang turut diperkenalkan adalah **Raiz Malaysia, aplikasi mudah alih pelaburan mikro pertama di negara ini** yang mengumpul dan melaburkan wang baki pengguna secara automatik ke dalam dana harga berubah ASN. Sehingga

Mac 2021, Raiz Malaysia telah berjaya menarik lebih **220,000 pendaftaran** dengan **dana di bawah pengurusan melebihi RM20 juta**.

PNB turut melancarkan **tiga perkhidmatan baru** pada TK2020 yang bertujuan meningkatkan pengalaman pengguna pemegang unit secara keseluruhan. Antaranya, **kemudahan pengeluaran dalam talian, perkhidmatan pengurusan harta tanah patuh syariah dalam talian** dan **ASB Loan Helpdesk khusus** untuk khidmat nasihat tentang perkara yang berkaitan dengan pembiayaan ASB.

Sementara itu, program literasi kewangan tahunan PNB, Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM), telah bertukar ke platform digital pada tahun 2020 dan menjadi **Minggu Saham Digital (MSD)**. Setelah MSAM berjaya menarik lebih 3.9 juta pelawat selama 20 tahun di pelbagai lokasi di seluruh negara, projek perintis digital MSD telah berjaya **melebihi jangkaan semua pihak yang terlibat** dengan memperluas jangkauannya kepada **lebih dari tujuh juta penonton** di platform maya.

#### **PERKEMBANGAN TERKINI FOCUS 4**

##### **Bidang Fokus 1 - Kepelbagaian**

PNB telah mencapai kemajuan besar dalam usaha-usaha kepelbagaian. Pada akhir TK2020, **pelaburan antarabangsa membentuk 12.0% daripada portfolionya**, berbanding 8.5% pada TK2019. PNB mengambil bahagian secara aktif dalam ekuiti awam global, yang meningkat kepada 8.7% daripada keseluruhan portfolio pada TK2020 berbanding 5.9% pada tahun sebelumnya. Terdapat hasil yang signifikan dari kepelbagaian ini disumbangkan oleh prestasi pelaburan yang lebih baik.

Dalam negara pula, PNB juga **mengimbangi portfolionya** dengan menjana wang daripada aset yang telah matang. Pada tahun tersebut, turut menyaksikan pelupusan Menara MIDF di Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur bagi mengurangi pendedahan kepada segmen pejabat komersial. Ini juga melibatkan keseluruhan pegangan minoriti 23% dalam Unilever Malaysia Holdings. Ini telah membolehkan PNB untuk mengitar semula modal ke dalam pelaburan baru.

Melangkah ke hadapan, PNB menyasar untuk mengembangkan segmen pelaburan baharu dalam jangka masa panjang. **Sektor yang berpotensi** merangkumi **tenaga boleh diperbaharui dan teknologi 5G, logistik dan pusat data**, di samping terus melakukan **pembelian primer**, pelaburan **sekunder** dan berkemungkinan juga **sektor domestic Consumer Discretionary** di bawah portfolio ekuiti persendirian.

### Bidang Fokus 2 - Penciptaan Nilai

Di bawah **Kerangka Kerja Pengawasan** yang ditubuhkan pada 2020, PNB telah mengeluarkan **surat pemegang saham tahunan** yang menggariskan pandangan dan aspirasinya kepada syarikat-syarikat pelaburan dan menubuhkan **Majlis Pelaburan Strategik** untuk mendorong perkongsian amalan terbaik dan kepentingan bersama. PNB juga memperbaiki **Garis Panduan Pengundian** bagi menggalakkan persekitaran pelaburan yang telus dan menghasilkan **Penyataan Pematuhan** dengan Kod Malaysia untuk Pelabur Institusi bagi mengekalkan amalan tadbir urus korporat yang baik.

Pelupusan keseluruhan 56.3% saham dalam CCM pada premium 69% berdasarkan harga 3 bulan Purata Wajaran Jumlah Dagangan juga merupakan sebahagian daripada usaha untuk mengimbangi semula portfolio PNB. Keuntungan sebanyak RM292.8 juta yang diterima oleh PNB setelah selesai urusan penjualan pada bulan Disember 2020 memberikannya modal untuk melabur semula dalam peluang-peluang baharu.

Dengan lebih daripada 60% portfolio dilaburkan dalam syarikat-syarikat Malaysia, PNB menyasarkan untuk terus menilai prestasi syarikat-syarikat tersebut dan melalui proses tadbir urus lembaga pengarah menggalakkan peningkatan prestasi dan dengan itu mencapai pulangan pemegang saham yang lebih tinggi.

### Bidang Fokus 3 - Pengurusan Risiko

**Kerangka Budaya Risiko PNB** yang diperkenalkan pada tahun 2020 mengukuhkan lagi proses-proses pengurusan risiko sedia ada. **Jawatankuasa Kecil Risiko Melintang** untuk Pelaburan, Operasi dan Teknologi ditubuhkan untuk mengenal pasti risiko, membincangkan penyelesaian dan mengemukakan cadangan kepada Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko. **Aliran kerja pengurusan risiko juga kini didigitalkan** melalui penyelesaian pengurusan risiko bersepadu, SAI360.

### Bidang Fokus 4 - Transformasi Organisasi

Sebagai sebahagian daripada transformasi organisasi pada tahun 2020 adalah pengaturan kerja baharu berikutan sekatan pergerakan yang dibawa oleh pandemik. PNB adalah antara organisasi terawal di Malaysia yang melaksanakan rangka kerja **Aturan Kerja Anjal (FWA)** secara terancang dengan pilihan **Bekerja Dari Rumah (WFH)** untuk 1,750 rakan sekerjanya. Semua rakan sekerja PNB telah berhijrah ke arah digital dan mampu bekerja walau di mana sahaja dengan kemudahan perhubungan dan memanfaatkan Microsoft Teams dan Sharepoint serta akses kepada *Knowledge Hub* yang mengandungi fail dan data utama. Sebagai majikan yang mengutamakan kesejahteraan pekerja, mesyuarat secara maya amat digalakkan dan tidak lebih dari 25% rakan sekerja dibenarkan berada di lokasi demi menjaga keselamatan mereka serta pelawat ke Menara PNB.

Matlamat utama pasukan PNB untuk terus memberikan pulangan kepada para pelabur telah menjadikan organisasi sentiasa fokus sepanjang tahun, sekaligus berjaya memastikan **lebih daripada 90% projek** yang dijadualkan untuk tahun tersebut telah selesai atau sedang dalam proses untuk diselesaikan.

### **PERANCANGAN TAHUN 2021**

Untuk tahun 2021, PNB akan tetap fokus pada bidang **Kepelbagaian** dan **Penciptaan Nilai**, serta mempercepatkan lagi perancangan **transformasi digital**. Lebih banyak ciri akan ditambah pada aplikasi mudah alih myASNB seperti pelaburan berasaskan matlamat dan Kenali Pelanggan Anda secara elektronik (eKYC). Pengalaman dalam talian pemegang unit juga akan ditingkatkan melalui Minggu Saham Digital yang lebih baik, serta penambahan titik interaksi digital (*digital touchpoints*) baru untuk jangkauan yang lebih luas.

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn mengakhiri taklimat media dengan mengatakan, “PNB akan terus melaksanakan mandat kami, pada masa yang sama berpegang teguh kepada tujuan kami sebagai pelabur jangka panjang yang fokus untuk menghasilkan pulangan mapan kepada pemegang unit kami. Dengan inisiatif transformasi organisasi yang dilaksanakan sepanjang tahun, PNB kini lebih tangkas dan bersedia untuk merealisasikan potensi yang lebih besar dalam era pasca-COVID-19. Kami akan terus melaksanakan strategi-strategi **Focus 4** bagi mengembangkan portfolio agar dapat menjana pulangan lebih baik demi kepentingan Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, serta demi kesejahteraan negara secara menyeluruh.”


-Tamat -

#### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**


Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

# SOROTAN KEWANGAN UTAMA LAPORAN TAHUNAN 2020




## PENGAGIHAN PENDAPATAN TERKUMPUL (RM BILION)



Nota: Jumlah Pengagihan Pendapatan pada TK2020: RM111.1 bilion

## PERUNTUKAN ASET MENGIKUT GEOGRAFI



Peruntukan Aset Kumpulan TK2019  
Domestik: 91.5%  
Antarabangsa: 8.5%

## PERKEMBANGAN TERKINI FOCUS 4

Focus 4 menggariskan bidang-bidang berimpak tinggi seperti yang berikut:



- Kepelbagaian**  
Meneruskan usaha kepelbagaian merangkumi semua kelas aset dan geografi

  - Pendedahan Antarabangsa ↑12%
  - Mengimbangi Portfolio
    - Penjualan Menara MIDF, Unilever
  - Sektor-sektor berpotensi untuk 2021
    - **Ekuiti Awam**
      - Tenaga boleh diperbaharui
      - Teknologi 5G
    - **Hartanah**
      - Logistik
      - Pusat Data
    - **Ekuiti Persendirian**
      - Pembelian Primer
      - Pelaburan Sekunder
      - Sektor *Consumer Discretionary* Domestik

- Penciptaan Nilai**  
Meningkatkan nilai Syarikat Strategik dan Teras PNB

  - Melaksanakan Rangka Kerja Pengawasan:
    - Perutusan Pemegang Saham Tahunan
    - Menubuhkan Majlis Pelaburan Strategik
    - Memperhalusi Garis Panduan Pengundian
    - Penyataan Pematuhan
  - Mengimbangi semula portfolio
    - Penjualan CCM
  - Aspirasi 3-Tahun
    - Mengatasi Jumlah Pulangan Purata Tahunan 3-Tahun FBM100 untuk Syarikat Strategik dan Teras

- Pengurusan Risiko**  
Menambahbaik pendekatan dalam pengurusan risiko dan melaksanakan inisiatif bagi memupuk budaya risiko yang mantap

  - Kerangka Budaya Risiko PNB
  - Jawatankuasa Kecil Risiko *Transversal*
  - Pendigitalan aliran kerja pengurusan risiko menerusi SAI360

- Transformasi Organisasi**  
Menaiktaraf sistem teras dan menambahbaik perkhidmatan kepada pemegang unit menerusi inisiatif digital

  - Aturan Kerja Anjal (FWA) Memanfaatkan Microsoft Teams dan SharePoint -> **KNOWLEDGE Hub**
  - < 25% bekerja di pejabat (WIO) bagi melindungi keselamatan rakan sekerja dan pelawat ke Menara PNB
  - > 90% projek siap atau sedang dijalankan pada penghujung tahun 2020